



# S&J Laktasi

Ruangan S&J Laktasi mengalu-alukan kiriman surat daripada para pembaca. Sekiranya anda ada sebarang pertanyaan berkaitan penyusuan bayi, hantarkannya ke: Ruangan Laktasi, Majalah Pa&Ma, Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Seksyen 15, 40200, Shah Alam, Selangor. Dapatkan borang penyertaan di muka surat 140-141.

Kelolaan intan.jastina@karangkraf.com.my



Setiap soalan yang tersiar akan menerima bawcer istimewa daripada [www.mamaparadise.com](http://www.mamaparadise.com)



## Kanser payu dara tidak jejakkan bayi

**S** Adakah sepanjang tempoh sebelum ibu disahkan menghidap payu dara selamat untuk menyusukan bayi. Jika ibu sudah disahkan menghidap kanser, adakah susu itu selamat untuk bayi.

**Anne**  
Sungai Besar, Selangor

**J** Untuk pengetahuan anda, kanser payu dara merupakan salah satu kanser yang biasanya berlaku di kalangan ibu-ibu mengandung dan berumur di dalam lingkungan 30-an. Oleh kerana itulah, setiap wanita yang mengandung disarankan

untuk selalu melakukan pemeriksaan payu dara ketika lawatan antenatal supaya dapat mengesan sebarang benjolan yang mencurigakan dari peringkat yang lebih awal. Jadi, pastikan doktor atau jururawat mengajar anda cara untuk memeriksa payu dara.

Ini bagi membolehkan anda melakukan pemeriksaan sendiri di rumah setiap bulan.

Menurut para pakar di *The Cleveland Clinic Taussig Cancer Center*, sekiranya ibu menghidap kanser payu dara, penyusuan susu ibu boleh diteruskan dan ia tidak akan membahayakan bayi anda. Malahan, tiada kajian yang dapat membuktikan bahawa kanser payu dara akan bertambah baik sekiranya anda menghentikan penyusuan susu ibu pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, sekiranya anda sedang menjalani rawatan kimoterapi, anda tidak digalakkan untuk meneruskan penyusuan. Hal ini kerana ubat-ubatan yang digunakan sewaktu rawatan berkenaan akan dipindahkan kepada bayi melalui susu anda. (Sumber rujukan: *The American Cancer Society. The National Cancer Institute.*)

Menurut Prof. Dr. Kenneth F. Trofatter Jr. (*Director of Maternal-Fetal Medicine and Professor of Clinical Obstetrics in the Department of Obstetrics and Gynecology of the University of South Carolina*) pula, beliau menasihatkan ibu yang sedang menjalani rawatan kimoterapi untuk

tidak meneruskan penyusuan susu ibu atas sebab-sebab yang sama. Namun begitu, ibu boleh menyusukan bayinya selepas tempoh rawatan kimoterapi. Walau bagaimanapun, hal ini perlu dibincangkan dengan doktor yang merawat anda untuk mendapatkan kepastian.

Sekiranya anda telah menjalani pembedahan untuk membuang sebahagian atau keseluruhan payu dara (*lumpectomy atau mastectomy*) atau telah menjalani *radiation therapy*, ia mungkin akan menjejaskan penghasilan susu anda pada bahagian yang berkenaan. Namun, perlu diketahui bahawa anda masih boleh menyusukan bayi pada payu dara sebelah lagi.

Saya berharap, saya telah dapat menjawab soalan puan. Sekiranya puan mempunyai sebarang soalan lain berkenaan perkara ini, saya akan cuba mencari jawapannya dengan merujuk kepada para pakar perubatan yang lebih arif dalam hal ini. 🍼

### INFO

Penyelidik di Singapura sedang mengkaji kemungkinan epal merah, anggur dan cili boleh membantu melawan barah payu dara. Bahan kimia tertentu yang terdapat dalam buah-buahan dan sayur-sayuran berkulit merah berkemungkinan dapat menentang barah payu dara dan mungkin barah jenis lain juga. 🍼



Semua soalan akan dijawab oleh RITA

**RAHAYU OMAR,**  
Kaunselor Laktasi.

Mom'slittleones merupakan pusat sehati untuk anda dapatkan pelbagai produk penjagaan bayi dan ibu; rangkaian pakaian ibu menyusui; aksesori penyusuan ibu dan banyak lagi.  
Tel: 013-3639567  
[www.momslittleones.com](http://www.momslittleones.com)

**MOM'SLITTLEONES**  
*Caring for you and your lil's ones...*